

Manuskrip Melayu

Penemuan pertama selepas pencarian selama lebih 20 tahun

Benda Haram Pina 21/07/2010 MS2

Oleh Salbiah Ani
dahiya@nstp.com.my

PENCARIAN selama 20 tahun berkesudahan dengan gembira kepada mantan Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia, Dr Wan Ali @Wan Yusoff Wan Mamat, apabila pencarian manuskrip Melayu lama di Makkah membuahkan hasil.

Beliau yang berjaya menemui manuskrip Melayu lama, *Makhtutat Ila Makkah*, ketika menunaikan umrah Mac lalu, berasa penemuan itu sebagai kemenangan berganda kepadanya kerana sebelum ini banyak usaha secara langsung dan tidak bagi mengesan kesan manuskrip Melayu lama di Makkah, tidak membuahkan sebarang hasil.

"Saya menemui *Makhtutat Ila Makkah* dengan bantuan pelajar saya, Ahmad Saqar yang menetap di Makkah. Sebelum menunaikan umrah Mac lalu, saya menghubungi beliau agar dapat menghubungi saya dengan seseorang yang boleh merealisasikan hasrat saya.

"Pelajar ini mendapatkan pegawai yang boleh dihubungi di Perpustakaan Universiti Ummul Qura Makkah dan memaklumkan dalam universiti terbabit ada manuskrip Melayu lama. Saya membuat temujanji dengan pegawai di perpustakaan yang bersetuju bertemu dengan saya.

"Pegawai berkenaan membawa saya ke tempat menyimpan cakera padat (CD) segala jenis manuskrip dalam simpanan universiti terbabit dan selepas meneliti buku daftar senarai semua manuskrip Arab, Melayu dan Parsi selama sejam, baru saya mendapat maklumat yang diperlukan.

"*Bidayat al-Makhtutah - Malawiyah* bermaksud manuskrip Melayu dan dari situ saya mengesan CD yang dibuat dan meminta kebenaran untuk membeli CD terbabit pada harga lebih RM100 sekeping. Permintaan saya untuk melihat naskhah asli di perpustakaan terbabit tidak dipenuhi," katanya yang kini berkhidmat sebagai Felo Kanan, Akademik Jabatan Sains Maklumat dan Perpustakaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Dr Wan Ali yakin ada banyak lagi manuskrip Melayu lama yang tersimpan di Universiti Ummul Qura Makkah, tetapi tidak dapat mengesannya kerana masa yang singkat di samping penguasaan bahasa Arab diperlukan memandangkan katalog tertulis dalam bahasa Arab.

"*Makhtutat Ila Makkah* memuatkan tiga manuskrip iaitu manuskrip pertama dan kedua berbentuk cebisan yang tidak lengkap, tetapi saya yakin manuskrip ketiga lengkap. Ada hari dan jam yang tercatat pada manuskrip terbabit, tetapi ti-



dak tahunnya.

"Jika melihat naskhah asal saya boleh menganggarkan usia manuskrip Melayu lama terbabit berdasarkan *water mark* kertas yang digunakan. Bagaimanapun, saya yakin manuskrip setebal 173 halaman yang saya temui itu ditulis pada abad ke-19 Masihi," jelasnya pada pertemuan dengan *Sastera* di Wisma Sejarah, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sastera diberitahu, manuskrip pertama hanya setebal empat halaman dan manuskrip kedua hanya tiga halaman, manakala manuskrip

ketiga setebal 166 halaman dan tercatat dengan perkaataan *Kitab Albaiyah* yang memuatkan jual beli dalam masyarakat Islam.

Antara kandungan dalam manuskrip ketiga itu ialah Bab Riba; Bab Benda Haram Diperjual Beli, Terlebih dan Terkurang Dalam Jualan, Laba dan Kurang Daripada Harga; Bab Berniaga Hamba Lelaki dan Perempuan; Akad Jual Beli; Fasal Wajib Ke Atas Wakil Pada Berwakil Yang Mutlak dan Berwakil Muit Dengan Berjual, Berjanji dan Barang.

Dr Wan Ali menyifatkan

“Saya menemui *Makhtutat Ila Makkah* dengan bantuan pelajar saya, Ahmad Saqar yang menetap di Makkah. Sebelum menunaikan umrah Mac lalu, saya menghubungi beliau agar dapat menghubungi saya dengan seseorang yang boleh merealisasikan hasrat saya”

**Dr Wan Ali @
Wan Yusoff
Wan Mamat**

Felo Kanan, Akademik
Jabatan Sains Maklumat
dan Perpustakaan, UIAM

